



JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI  
**NOTIS SEBUT HARGA**

---

NO. SEBUT HARGA : JPKNT(Q)/R/2025/07  
TAJUK : PENYELENGGARAAN DAN MENAIKTARAF INFRASTRUKTUR  
RANGKAIAN KAWASAN SETEMPAT DI BANGUNAN PERPUSTAKAAN  
WILAYAH TAWAU  
KOD BIDANG (PUKONSA) : 210106 - Networking Products And Services

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang mempunyai lesen berniaga yang sah dan berdaftar dengan Pusat Pendaftaran Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA) dengan kod bidang yang berkaitan untuk membuat tawaran bagi perolehan kerja di atas.
2. Syarikat-syarikat yang ingin menyertai sebut harga perlu membuat bayaran secara atas talian (*on-line*) dan memastikan salinan resit bayaran tersebut disertakan bersama dengan dokumen sebut harga.
  - i. Secara atas talian (*on-line*)
    - Membuat bayaran sebanyak **RM50.00** ke akaun Jabatan Bendahari Negeri, **101960010025301 (Alliance Bank Malaysia Berhad)** dan mencatatkan "**126-73105 JPKNT(Q)/R/2025/0 NAMA SYARIKAT**" di ruang nota bayaran sebagai rujukan bayaran.
3. Dokumen sebut harga yang lengkap beserta dengan salinan-salinan **resit bayaran, lesen berniaga** dan **sijil PUKONSA** mestilah dimasukkan ke dalam **sampul surat yang berlakri**. Sampul surat tersebut haruslah ditandakan dengan '**NO.\_SEBUT\_HARGA**' dan '**TAJUK\_SEBUT\_HARGA**' dan di masukkan ke dalam peti sebut harga yang disediakan di Ruang Menunggu, Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri Cawangan Wilayah Tawau, Tingkat 1A, TL309, Jalan Paya, 91000 Tawau Sabah.
4. Kerajaan Negeri tidak akan terikat untuk menerima tawaran sebut harga yang terendah atau memberi apa-apa sebab apabila sesuatu tawaran itu ditolak. Semua borang sebut harga serta dokumen sokongannya tidak akan dikembalikan.
5. Sebarang ketetapan di atas yang **TIDAK DIPATUHI** akan menyebabkan sebut harga ditolak secara automatik.
6. Tarikh tutup sebut harga: **28 April 2025 (Isnin), Jam 10.00 Pagi**

**PENGARAH**  
Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri, Tingkat 6  
& 7, Blok A, Menara Kinabalu Jalan UMS, Teluk  
Likas, 88400 Kota Kinabalu.

# **PANDUAN KEPADA PENYEBUTHARGA UNTUK PEROLEHAN BEKALAN / PERKHIDMATAN**

*(Tidak perlu dilampirkan semasa tawaran)*

1. LAMPIRAN Q ADALAH TEMPLAT 'SEBUT HARGA UNTUK BEKALAN / PERKHIDMATAN' YANG DISEDIAKAN OLEH KERAJAAN UNTUK DIISI OLEH PEMBEKAL BAGI MEMBUAT TAWARAN. JIKA PEMBEKAL MELAMPIRKAN SEBUT HARGA SYARIKAT (MESTI DENGAN LOGO SYARIKAT), DAN TERDAPAT PERBEZAAN BUTIRAN YANG DITAWARKAN, KERAJAAN AKAN MENGAMBIL MAKLUMAT LAMPIRAN Q SEBAGAI TAWARAN RASMI PEMBEKAL.
2. PEMBEKAL PERLU MEMBACA SYARAT-SYARAT TAMBAHAN YANG DILAMPIRKAN BERSAMA LAMPIRAN Q BAGI MEMASTIKAN SEMUA SYARAT DIPENUHI.
3. SENARAI SEMAKAN (BEKALAN / PERKHIDMATAN / KERJA) PERLU MENJADI MUKASURAT PERTAMA DALAM TAWARAN SEBUT HARGA YANG DIHANTAR.
4. BERIKUT ADALAH ARAHAN KERAJAAN KEPADA PENYEBUTHARGA BERDASARKAN SURAT PEKELILING KEWANGAN BIL.18 / 2009 (LAMPIRAN A1) YANG DIKEMASKINI:

#### 4.1. HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA / MENOLAK SEBUT HARGA

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.

#### 4.2. CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUT HARGA (a).

##### Penyediaan Sebut Harga

Kontraktor adalah dikehendaki mengisi dengan dakwat segala maklumat berikut dengan sepenuhnya:

- i. Harga dan tandatangan Kontraktor di **Ringkasan Sebut Harga**.
- ii. Harga, tempoh dan tandatangan dalam **Borang Sebut Harga**.
- iii. Butir-butir Spesifikasi.

Jika berlaku kesilapan di dalam mengisi maklumat-maklumat di atas, Kontraktor hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan.

##### (b). Penyerahan Dokumen Sebut Harga

- i. Dokumen sebut harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan '**NO.\_SEBUT\_HARGA**' dan '**TAJUK\_SEBUT\_HARGA**' dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga pada masa atau sebelum masa seperti yang dinyatakan di dalam NOTIS SEBUT HARGA.
- ii. Jika dokumen sebut harga tidak diserahkan dengan tangan, Penyebutharga hendaklah menghantar dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada masa atau sebelum masa tutup dan di tempat yang ditetapkan.
- iii. Sebut harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.

##### (c). Penjelasan Lanjut

Sekiranya terdapat maklumat dalam dokumen sebut harga yang tidak jelas atau bercanggah, Kontraktor boleh menghubungi Pegawai Inden untuk penjelasan lanjut.

#### 4.3. PERBELANJAAN PENYEDIAAN SEBUT HARGA

Semua perbelanjaan bagi penyediaan sebut harga ini hendaklah ditanggung oleh Penyebutharga sendiri.

#### 4.4. TEMPOH SAH SEBUT HARGA

Sebut harga ini sah selama sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup sebut harga. Penyebutharga tidak boleh menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga. Tindakan tatatertib akan diambil sekiranya penyebut harga menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga.

## **SYARAT-SYARAT TAMBAHAN YANG MESTI DIPATUHI**

1. Penyebutharga hanya dibenarkan mengemukakan satu (1) tawaran sebut harga sahaja. Jika penyebutharga didapati mengemukakan lebih dari satu (1) tawaran sebut harga, kerajaan berhak untuk membatalkan penyertaan tawaran-tawaran dari penyebutharga yang berkenaan.
2. Sebut harga bekalan/perkhidmatan/kerja yang melibatkan peralatan atau perkakasan mestilah menawarkan produk yang asli dengan *manufacturer warranty* dan bebas daripada kecacatan perkilangan (*manufacturing defects*).
3. Ruang 'Ya / Tidak' untuk mengesahkan kriteria bekalan/perkhidmatan/kerja MESTI diisi dengan lengkap dan jelas.
4. Jumlah bersih tawaran sebut harga adalah TERMASUK dengan cukai-cukai yang dikenakan oleh Kerajaan di atas perolehan bekalan/perkhidmatan atau kerja yang dicadangkan.
5. Pembekal hendaklah menyatakan dengan jelas tempoh penghantaran item. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan penyertaan terbatal serta-merta.
6. Pembekal MESTI menyertakan sebut harga syarikat menggunakan kepala surat syarikat (*company's letterhead*).
7. Salinan sijil-sijil yang dilampirkan MESTI sah tempoh. Jika masih di dalam proses pembaharuan, dokumen-dokumen yang berkaitan perlu dilampirkan. Kerajaan berhak membatalkan penyertaan tawaran jika terdapat unsur kurang pasti (*uncertainties*).
8. Pembekal baru WAJIB mengemukakan Profil Syarikat (*Company Profile*) dan Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi Tiga (3) Bulan Terakhir sebelum tarikh tutup sebut harga.

**SENARAI SEMAKAN  
(BEKALAN / PERKHIDMATAN / KERJA)**

**NO SEBUT HARGA: JPKNT(Q)/R/2025/07**

**TAJUK: PENYELENGGARAAN DAN MENAIKTARAF INFRASTRUKTUR RANGKAIAN  
KAWASAN SETEMPAT DI BANGUNAN PERPUSTAKAAN WILAYAH TAWAU**

Sila tandakan  bagi dokumen yang disertakan.

Bil.	Perkara / Dokumen	Untuk ditanda oleh Penyebutharga	Untuk ditanda oleh J/K Pembuka Sebut Harga
1	Salinan Sijil PUKONSA (Pusat Pendaftaran Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah) dengan Kod Bidang yang berkaitan dan masih sah tempoh.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2	Salinan Sijil Perniagaan yang masih sah tempoh.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3	Salinan Sijil Pengiktarafan Perniagaan Anak Negeri yang masih sah tempoh.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4	Lampiran Q telah diisi lengkap (termasuk nilai tawaran dan tempoh siap) dan ditandatangani.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5	Pematuhan kepada APPENDIX A, diisi lengkap dan ditandatangani.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6	LAMPIRAN F yang telah diisi lengkap dan ditandatangani	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7	Sebut harga dari syarikat menggunakan KEPALA SURAT (letter head) syarikat; nyatakan spesifikasi teknikal untuk setiap item yang ditawarkan secara terperinci.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
8	Profil Syarikat dilampirkan (jika berkenaan).	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
9	Salinan penyata bulanan akaun bank bagi tiga (3) bulan terakhir. (jika berkenaan).	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

**PENGESAHAN OLEH PENYEBUTHARGA**

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma-terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama: \_\_\_\_\_

Jawatan: \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_

**UNTUK KEGUNAAN JABATAN**

Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda  kecuali bagi perkara Bil.\_\_\_\_(jika ada).

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama: \_\_\_\_\_

Jawatan: \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama: \_\_\_\_\_

Jawatan: \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_

**ARAHAN PERBENDAHARAAN 170**  
**(LAMPIRAN Q)**

Bila menjawab, sila nyatakan nombor ini:

No. Sebutharga: **JPKNT(Q)/R/2025/07**

(Kew 284-Pin 5/94)

**KERAJAAN**  
**MALAYSIA NEGERI**  
**SABAH**

**SEBUTHARGA UNTUK BEKALAN /**  
**PERKHIDMATAN**

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebutharga.

Kepada (Nama Syarikat): \_\_\_\_\_

No. Telefon: \_\_\_\_\_

No. Pendaftaran dengan PUKONSA:

\_\_\_\_\_  
Kod bidang pendaftaran yang relevan dengan pembelian ini: **PUKONSA – 210106**


Pelawaan sebutharga dikeluarkan oleh Kementerian/Jabatan (Alamat Lengkap)

**Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri**  
**Cawangan Wilayah Tawau, Tingkat 1A,**  
**TL309, Jalan Paya, 91000 Tawau Sabah.**

No. Telefon : **089-959100**

1. Sila beri sebutharga untuk bekalan/perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:
  - 1.1 Syarat penyerahan/penyempurnaan: Seperti dalam APPENDIX A.
  - 1.2 Tarikh penyerahan/penyempurnaan dikehendaki: Tidak melebihi 4 minggu dari tarikh surat setuju terima.
  - 1.3 Arahan pengiriman: Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri, Cawangan Wilayah Tawau, Tingkat 1A, TL309, Jalan Paya, 91000 Tawau, Sabah.
  - 1.4 Sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam suatu sampul berlakri dan bertanda nombor sebut harga **JPKNT(Q)/R/2025/07**
  - 1.5 Sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat di atas tidak lewat pada jam **10.00 pagi** pada **28 April 2025 (ISNIN).**
  - 1.6 Tempoh sah laku sebutharga hendaklah sembilan puluh (90) hari selepas tarikh tutup.

Tarikh: \_\_\_\_\_

Tandatangan: \_\_\_\_\_ 

Nama Pegawai: Ruzainah Binti Masdir

Jawatan: Pegawai Teknologi Maklumat, F9

Bil.	Perihal bekalan/perkhidmatan dan Syarat-syarat Khas	Unit Ukuran	Kuantiti/ Kekerapan	Kadar (RM)	Harga (RM)
<i>Untuk diisi oleh Kementerian/Jabatan</i>				<i>Untuk diisi oleh Penyebutharga</i>	
	<b><u>JPKNT(Q)/R/2025/07</u></b>  <b>PENYELENGGARAAN DAN MENAIKTARAF INFRASTRUKTUR RANGKAIAN KAWASAN SETEMPAT DI BANGUNAN PERPUSTAKAAN WILAYAH TAWAU</b>  Sila rujuk <b>APPENDIX A</b>  Tarikh penyerahan/ penyempurnaan Ditawarkan: _____ <i>*Sila sertakan dengan salinan Sijil Pendaftaran PUKONSA.</i>			<b>JUMLAH (RM):</b> .....	

(i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih; dan

(ii) Tarikh penyerahan/penyempurnaan ialah \_\_\_\_\_ minggu (*tidak melebihi 4 minggu*)

Saya/Kami dengan ini menawar untuk membekalkan bekalan/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang dinyatakan di atas tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.



Tandatangan:

Penyebut Harga: \_\_\_\_\_

Nama dan K/P: \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_

Alamat Syarikat: \_\_\_\_\_

**Mustahak - Lihat Syarat-syarat Am Di Belakang**

## SYARAT-SYARAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

1. **Keadaan Barang**  
Semua barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.
2. **Harga**  
Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.
3. **Sebutharga Sebahagian**  
Sebutharga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.
4. **Barang Setara**  
Sebutharga boleh ditawarkan bagi barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.
5. **Persetujuan**
  - a. Kerajaan tidak terikat untuk setuju terima sebutharga yang terendah atau mana-mana sebutharga, dan
  - b. Setiap butiran akan ditimbang sebagai satu sebutharga yang berasingan.
6. **Pemeriksaan**
  - a. Kerajaan sentiasa berhak melantik seorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut, dan
  - b. Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.
7. **Perakuan Menyatakan Spesifikasi telah Dipatuhi**  
Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa bekalan/perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.
8. **Penolakan**
  - a. Barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui sebutharganya boleh ditolak,
  - b. Apabila diminta, penyebut harga hendaklah menyebabkan barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu, dan
  - c. Fasal-kecil (i) dan (ii) di atas ini, tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.
9. **Pengiklanan**  
Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebutharga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Pegawai Kewangan Negeri terlebih

dahulu.

### 10. Tafsiran

Sebutharga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebutharga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

### 11. Insurans

Tiada apa-apa insurans atas barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebutharga.

### BARANG-BARANG EX STOK ATAU BARANG-BARANG KELUARAN MALAYSIA

### 12. Cukai

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

### 13. Pembungkusan

- a. Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan, dan
- b. Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual.

### 14. Pengenalan

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

### BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA

### 15. Cukai

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai dan unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

### 16. Mata Wang

Sebutharga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

### 17. Pembungkusan

- a. Barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan bekalan itu dieksport dengan tidak dibungkus,
- b. Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan, dan
- c. Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebut harga.

NO. SEBUT HARGA: **JPKNT(Q)/R/2025/07**

---

TAJUK: **PENYELENGGARAAN DAN MENAIKTARAF INFRASTRUKTUR  
RANGKAIAN KAWASAN SETEMPAT DI BANGUNAN  
PERPUSTAKAAN WILAYAH TAWAU**

---

### **A. SKOP KERJA**

- i. Pembekal hendaklah membekal, menghantar, memasang dan mengkonfigurasi semua item yang disenaraikan dalam SPESIFIKASI ke

**BANGUNAN PERPUSTAKAAN WILAYAH TAWAU,**

Taman Sabindo,

Peti Surat 775,

91008 Tawau.

No Tel:089-760632 (O) /018-9712507 (HP)

PIC: Abdul Fadhil bin Abdul Rasid (AginIT)

- ii. Pembekal hendaklah memberi jaminan satu (1) tahun ke atas alat ganti dan kecacatan pembuatan (*manufacturing defects*) semua item yang disenaraikan dalam SPESIFIKASI.
- iii. Jaminan ini menunjukkan bahawa pembekal hendaklah menanggung sendiri segala kos pengangkutan, kos buruh atau apa-apa kos lain ke atas apa-apa kecacatan pada semua item yang disenaraikan dalam SPESIFIKASI yang dikesan dalam tempoh jaminan.
- iv. Pembekal hendaklah membekalkan SEMUA barangan pelengkap (pemacu USB/dongle, kabel, dan lain-lain) yang penting untuk pengoperasian semua item yang disenaraikan dalam SPESIFIKASI.



NO. SEBUT HARGA: **JPKNT(Q)/R/2025/07**TAJUK: **PENYELENGGARAAN DAN MENAIKTARAF INFRASTRUKTUR RANGKAIAN KAWASAN SETEMPAT DI BANGUNAN PERPUSTAKAAN WILAYAH TAWAU****B. SPESIFIKASI**

Bil.	Item	Ktt	Dibekalkan Ya / Tidak
1	<b>SUPPLY AND INSTALL NEW ST 12U 19" WALL MOUNT EQUIPMENT RACK AND ACCESSORIES</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Rack framework 12U 19": 580mm (H) x 600mm (W) x 500mm (D); Ventilated.</li> <li>▪ 1x New equipment tray</li> <li>▪ 1x 19" 1U cable management panel.</li> <li>▪ 1x Patch Panel 19" 1u 24 Ports CAT6;T568A and T568B Compliance</li> <li>▪ 1x Belkin BSV401SA2M Power Surge Protection Strip</li> <li>▪ Position height: 4 feet from floor.</li> <li>▪ Actual location/position according to diagram or to be decided on site by a JPKN Officer</li> <li>▪ 1x to be installed at <b>Bilik Ketua SPP</b></li> </ul>	1	_____
2	<b>SUPPLY AND INSTALL NEW ST 4U 19" WALL MOUNT EQUIPMENT RACK AND ACCESSORIES</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Rack framework 4U 19": 220mm (H) x 600mm (W) x 500mm (D); Ventilated.</li> <li>▪ 2x New equipment tray</li> <li>▪ 2x 19" 1U cable management panel.</li> <li>▪ 2x Patch Panel 19" 1u 24 Ports CAT6;T568A and T568B Compliance</li> <li>▪ 2x Belkin BSV401SA2M Power Surge Protection Strip</li> <li>▪ Position height: 4 feet from floor.</li> <li>▪ Actual location/position according to diagram or to be decided on site by a JPKN Officer</li> <li>▪ 1x to be installed at <b>Bilik Operasi Auditorium</b></li> <li>▪ 1x to be installed at <b>Bilik Operator</b></li> </ul>	2	_____
3	<b>SUPPLY AND INSTALL NEW TP-LINK SG3452 48 PORTS MANAGED SWITCH</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ 48 Port Gigabit L2+ Managed Switch</li> <li>▪ All cables shall be terminated with RJ45 plug at AP</li> <li>▪ All cables shall be terminated at the patch panel and connected to the switch with new 2m Cat6 patch cable.</li> <li>▪ All cable and all associated parts shall be Cat6 compliant.</li> <li>▪ All cable shall be labelled.</li> <li>▪ All cables shall be enclosed in PVC conduit or casing</li> <li>▪ 1x to be installed at <b>new equipment rack at Bilik Ketua SPP Tingkat Bawah</b></li> </ul>	1	_____
4	<b>SUPPLY AND INSTALL NEW TP-LINK SG2218 16 PORTS MANAGED SWITCH</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ 16 Port Gigabit L2+ Managed Switch</li> <li>▪ All cables shall be terminated with RJ45 plug at AP</li> <li>▪ All cables shall be terminated at the patch panel and connected to the switch with new 2m Cat6 patch cable.</li> <li>▪ All cable and all associated parts shall be Cat6 compliant.</li> <li>▪ All cable shall be labelled.</li> <li>▪ All cables shall be enclosed in PVC conduit or casing</li> </ul>	1	_____

NO. SEBUT HARGA: **JPKNT(Q)/R/2025/07**TAJUK: **PENYELENGGARAAN DAN MENAIKTARAF INFRASTRUKTUR RANGKAIAN KAWASAN SETEMPAT DI BANGUNAN PERPUSTAKAAN WILAYAH TAWAU**

Bil.	Item	Ktt	Dibekalkan Ya / Tidak
	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ 1x to be installed at <b>new equipment rack at Bilik Operator Tingkat Dua</b></li> </ul>		
5	<p><b>SUPPLY AND INSTALL NEW TP-LINK TL-SG3428 24 PORTS MANAGED SWITCH</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ 1x 24-Port Gigabit L2+ Managed Switch</li> <li>▪ To be installed in the rack with new 2m Cat6 patch cable.</li> <li>▪ All cables shall be terminated with RJ45 plug at AP</li> <li>▪ All cable and all associated parts shall be Cat6 compliant.</li> <li>▪ All cable shall be labelled.</li> <li>▪ All cables shall be enclosed in PVC conduit or casing</li> <li>▪ 1x switch to be installed at new equipment rack <b>Bilik Ketua SPP</b></li> <li>▪ 1x switch to be installed at existing equipment rack <b>Bilik Komputer Tingkat Satu</b></li> </ul>	1	_____
6	<p><b>SUPPLY AND INSTALL NEW TP-Link TL-SG3210 Managed Switch 8 Port</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ 8 port Gigabit L2 Managed Switch with 2 SFP Slots</li> <li>▪ All cables shall be terminated with RJ45 plug at AP</li> <li>▪ All cables shall be terminated at the patch panel and connected to the switch with new 2m Cat6 patch cable.</li> <li>▪ All cable and all associated parts shall be Cat6 compliant.</li> <li>▪ All cable shall be labelled.</li> <li>▪ All cables shall be enclosed in PVC conduit or casing</li> <li>▪ 1x to be installed at new equipment rack <b>Bilik Ketua SPP</b></li> <li>▪ 1x to be installed at new equipment rack <b>Bilik Operasi Auditorium</b></li> </ul>	2	_____
7	<p><b>SUPPLY AND INSTALL NEW PATCH PANEL 19" 1U 24 PORTS CAT.6; T568A AND T568B COMPLIANCE.</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Including new cable management panel and equipment tray</li> <li>▪ 1X 1U Cantilever Server Rack</li> <li>▪ 1x Belkin BSV401SA2M Power Surge Protection Strip</li> <li>▪ 2x to be installed at existing equipment rack <b>Bilik Komputer Tingkat Satu</b></li> </ul>	2	_____
8	<p><b>SUPPLY AND INSTALL NEW PATCH PANEL 19" 1U 48 PORTS CAT.6; T568A AND T568B COMPLIANCE.</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Including new cable management panel and equipment tray</li> <li>▪ 1x to be installed at new equipment rack <b>Bilik Ketua SPP Tingkat Bawah</b></li> </ul>	1	_____

NO. SEBUT HARGA: **JPKNT(Q)/R/2025/07**TAJUK: **PENYELENGGARAAN DAN MENAIKTARAF INFRASTRUKTUR  
RANGKAIAN KAWASAN SETEMPAT DI BANGUNAN PERPUSTAKAAN  
WILAYAH TAWAU**

Bil.	Item	Ktt	Dibekalkan Ya / Tidak
9	<p><b>SUPPLY AND INSTALL NEW ENGENIUS EWS356-FIT ACCESS POINT INDOOR AND ACCESSORIES</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ 2.4Ghz/5Ghz ,Dual Band;2x2 5dbi integrated antenna;2x2 11ax LITE Speed;Mounting Kit</li> <li>▪ Dual CONCURRENT 802.11ax architecture &amp; backward-compatible with 11ac/a/b/g/n client devices.</li> <li>▪ To be mounted,installed and configured at a designated location.</li> <li>▪ Actual location/position according to diagram or to be decided by a JPKN Officer.</li> <li>▪ All complementary items (cables,software,etc) integral to the operation of all items</li> <li>▪ Poe injector adapter (EPA 5006 or equivalent)</li> <li>▪ 2x to be installed at <b>Ruang Bacaan Majalah dan Surat Khabar Tingkat Bawah</b></li> <li>▪ 1x to be installed at <b>Luar Pejabat SPP Tingkat Bawah</b></li> <li>▪ 1x to be installed at <b>Bilik Serbaguna Tingkat Satu</b></li> <li>▪ 1x to be installed at <b>Ruang Legar Tingkat Dua</b></li> </ul>	5	_____
10	<p><b>SUPPLY AND INSTALL NEW UTP CAT6 INDOOR CABLING (AP)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Lay and terminate UTP Cat6 cabling for access point devices.</li> <li>▪ All cables shall be enclosed in PVC conduit or casing. Cable above ceiling shall be enclosed in PVC conduit and wall surface with PVC casing.</li> <li>▪ All cables shall be terminated with RJ45 plug at AP.</li> <li>▪ All cable shall be terminated at the patch panel and connected to the switch with new 2m Cat6 patch cable.</li> <li>▪ All cables and all associated parts shall be Cat6 compliant.</li> <li>▪ All cables shall be labelled.</li> <li>▪ 4x to be installed at <b>Tingkat Bawah</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>○ (#26-#27) connected to New TP-Link 48port managed switch Sabahnet at new equipment rack located at Bilik Ketua SPP</li> <li>○ (#28-#29) connected to new TP-Link 8 port switch (Unifi) at new equipment rack located at Bilik Ketua SPP</li> </ul> </li> <li>▪ 3x to be installed at <b>Tingkat Satu</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>○ (#12-#14) connected to existing TP-Link 24 port access switch (Unifi) at existing equipment rack located at Bilik Komputer</li> </ul> </li> <li>▪ 1x to be installed at <b>Tingkat Dua</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>○ (#13) connected to New TP-Link 16port managed switch at new equipment rack located at Bilik Operator</li> </ul> </li> </ul>	8	

NO. SEBUT HARGA: **JPKNT(Q)/R/2025/07**TAJUK: **PENYELENGGARAAN DAN MENAIKTARAF INFRASTRUKTUR RANGKAIAN KAWASAN SETEMPAT DI BANGUNAN PERPUSTAKAAN WILAYAH TAWAU**

Bil.	Item	Ktt	Dibekalkan Ya / Tidak
11	<b>SUPPLY AND INSTALL NEW UTP CAT6 INDOOR CABLING (UPLINK)</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Lay and terminate UTP Cat6 cabling for access point devices.</li> <li>▪ All cables shall be enclosed in PVC conduit or casing. Cable above ceiling shall be enclosed in PVC conduit and wall surface with PVC casing.</li> <li>▪ All cables shall be terminated with RJ45 plug at AP.</li> <li>▪ All cable shall be terminated at the patch panel and connected to the switch with new 2m Cat6 patch cable.</li> <li>▪ All cables and all associated parts shall be Cat6 compliant.</li> <li>▪ All cables shall be labelled.</li> <li>▪ 2x connected to <b>New TP-Link 24 port Managed Switch (Sabahnet) at existing equipment rack located at Bilik Komputer Tingkat 1</b> (Estimated 35 meter &amp; 75 meter)</li> <li>▪ 1x connected to <b>Existing Tp-Link 24 Port Managed Switch (Unifi) at existing equipment rack located at Bilik Komputer Tingkat 1.</b> (Estimated 35 meter)</li> <li>▪ 1x connected to <b>New Tp-Link 24 Port Managed Switch (Sabahnet) at existing equipment rack located at Bilik Komputer Tingkat 1</b> (Estimated 40 meter)</li> </ul>	4	_____
12	<b>SUPPLY AND INSTALL NEW UTP CAT6 INDOOR CABLING (LAN)</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Lay, terminate &amp; test UTP CAT6 network point.</li> <li>▪ All cables shall be enclosed in PVC conduit or casing.</li> <li>▪ Cable above ceiling shall be enclosed in PVC conduit and wall surface with PVC casing.</li> <li>▪ All outlets shall be terminated complete with faceplate RJ45 keystone-jack, box and new 3m Cat6 patch cable (workstation).</li> <li>▪ All cable shall be terminated at the existing patch panel and connected to the existing switch with new 2m Cat6 patch cable.</li> <li>▪ Cable and all associated parts shall be Cat6 compliant.</li> <li>▪ All cables and faceplate shall be labelled.</li> <li>▪ 23x to be installed and connected at <b>New TP-LINK 48 port managed switch(SabahNet) at new equipment rack located at Bilik Ketua SPP Tingkat Bawah</b></li> <li>▪ 2x to be installed and connected at <b>TP-LINK 8 port managed switch installed at Bilik Operasi AV Auditorium</b></li> <li>▪ 10x to be installed and connected to <b>New TP-LINK 24 port managed switch (SabahNet) at existing equipment rack location at Bilik Komputer Tingkat Satu.</b></li> <li>▪ 12x to be installed and connected to <b>New TP-Link 16 port managed switch at new equipment rack located at Bilik Operator Tingkat Dua</b></li> </ul>	47	
13	<b>DISMANTLE AND REMOVE EXISTING CABLE AND ACCESSORIES</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Disassembling and removing existing network cables and associated accessories that are no longer use.</li> <li>▪ Cables or associated accessories that have been dismantled must not be reused.</li> <li>▪ <b>19x</b> to be dismantle and remove at <b>Tingkat Bawah</b></li> <li>▪ <b>11x</b> to be dismantle and remove at <b>Tingkat 1</b></li> <li>▪ <b>11x</b> to be dismantle and remove at <b>Tingkat 2</b></li> </ul>	41	

NO. SEBUT HARGA: **JPKNT(Q)/R/2025/07**TAJUK: **PENYELENGGARAAN DAN MENAIKTARAF INFRASTRUKTUR  
RANGKAIAN KAWASAN SETEMPAT DI BANGUNAN PERPUSTAKAAN  
WILAYAH TAWAU****C. RINGKASAN SEBUTHARGA**

- Harga yang disebut adalah termasuk SEMUA item dan aksesoriya seperti yang disenaraikan dalam SPESIFIKASI.
- Harga yang disebut adalah TERMASUK Yuran Langganan/Pemprosesan Lewat dan sebarang cukai/kos lain.
- Sebarang item yang didapati rosak MESTI diganti TANPA sebarang caj.

Item	Description	Quantity	Unit Price	Total Price
1.	SUPPLY AND INSTALL NEW ST 12U 19" WALL MOUNT EQUIPMENT RACK AND ACCESSORIES	1	RM .	RM _____
2.	SUPPLY AND INSTALL NEW ST 4U 19" WALL MOUNT EQUIPMENT RACK AND ACCESSORIES	2	RM .	RM _____
3.	SUPPLY AND INSTALL NEW TP-LINK SG3452 48 PORTS MANAGED SWITCH	1		
4.	SUPPLY AND INSTALL NEW TP-LINK SG2218 16 PORTS MANAGED SWITCH	1	RM .	RM _____
5.	SUPPLY AND INSTALL NEW TP-LINK TL-SG3428 24 PORTS SWITCH	1	RM .	RM _____
6.	SUPPLY AND INSTALL NEW TP-Link TL-SG3210 Managed Switch 8 Port	2	RM .	RM _____
7.	SUPPLY AND INSTALL NEW PATCH PANEL 19" 1U 24 PORTS CAT.6; T568A AND T568B COMPLIANCE.	2	RM .	RM _____
8.	SUPPLY AND INSTALL NEW PATCH PANEL 19" 1U 48 PORTS CAT.6; T568A AND T568B COMPLIANCE.	1	RM .	RM _____
9.	SUPPLY AND INSTALL NEW ENGENIUS EWS356-FIT ACCESS POINT INDOOR AND ACCESSORIES	5	RM .	RM _____
	SUPPLY AND INSTALL NEW UTP CAT6 INDOOR CABLING (AP)	8	RM .	RM _____
	SUPPLY AND INSTALL NEW UTP CAT6 INDOOR CABLING (UPLINK)	4	RM .	RM _____
10.	SUPPLY AND INSTALL NEW UTP CAT6 INDOOR CABLING (LAN)	47	RM .	RM _____
11.	DISMANTLE AND REMOVE EXISTING CABLE AND ACCESSORIES	41	RM .	RM _____
12	INSTALLATION, TESTING AND COMMISSIONING.	1	RM .	RM _____
Delivery Period: <u>4</u> Weeks (from the date of award)		<b>GRAND TOTAL PRICE:</b>		<b>RM</b> _____
<b>GRAND TOTAL PRICE in words:</b>				
Ringgit Malaysia: _____				

**NO. SEBUT HARGA: JPKNT(Q)/R/2025/07**

---

**TAJUK: PENYELENGGARAAN DAN MENAIKTARAF INFRASTRUKTUR  
RANGKAIAN KAWASAN SETEMPAT DI BANGUNAN PERPUSTAKAAN  
WILAYAH TAWAU**

---

Deliver Period:   4   weeks (from the date of award)

Name of Tenderer: \_\_\_\_\_

Personnel in-charge: \_\_\_\_\_

Address: \_\_\_\_\_

Telephone: \_\_\_\_\_ Date: \_\_\_\_\_



**NO. SEBUT HARGA: JPKNT(Q)/R/2025/07**

---

**TAJUK: PENYELENGGARAAN DAN MENAIKTARAF INFRASTRUKTUR  
RANGKAIAN KAWASAN SETEMPAT DI BANGUNAN PERPUSTAKAAN  
WILAYAH TAWAU**

---

**D. RAJAH**

**LAKARAN PEMASANGAN PENDAWAIAN (CAT6) DAN TANPA WAYAR DI  
BANGUNAN PERPUSTAKAAN WILAYAH TAWAU**






NO. SEBUT HARGA: **JPKNT(Q)/R/2025/07**

TAJUK: **PENYELENGGARAAN DAN MENAIKTARAF INFRASTRUKTUR RANGKAIAN KAWASAN SETEMPAT DI BANGUNAN PERPUSTAKAAN WILAYAH TAWAU**

**PELAN LANTAI CADANGAN TINGKAT SATU PERPUSTAKAAN NEGERI SABAH CAWANGAN TAWAU**



NO	SYMBOL	DESCRIPTION	QTY
1.		Existing 42U Equipment Server Rack (Standing) - 1x Existing TP-Link 24 Ports access switch (Unifi) - 1x New TP-LINK 24-Port Managed Switch (SabahNet) - 2x New 24 port patch panel - 1x New cable management panel - 1x New unit equipment tray - 1x New POE Injector - 1x New Belkin BSV401sa2M Power Surge Protection Strip	1
2.		New Access Point Indoor - 1x New EnGenius EWS356-FIT Access Point	1
3.		New Network Point (#1-#10)	10
4.		New UTP CAT6 Cable (LAN) - (In Conduit above ceiling) - (#1 - #10) connected to New TP-LINK 24-Port managed switch (SabahNet) at existing equipment rack located at Bilik Komputer	10


NO	SYMBOL	DESCRIPTION	QTY
5.		New UTP CAT6 Cable (AP) - (In Conduit above ceiling) - (#12 - #14) connected to Existing TP-Link 24 Ports access switch (Unifi) at existing equipment rack located at Bilik Komputer	3
6.		Existing Access Point Indoor - (#12 - #13) 2x Existing Access Point to be keep.	2
7.		Existing Uplink - Uplink from ISP SabahNet	1
8.		Existing Network Point to be remove - (#1 - #11)	11

Design by:	Name	Date	
	Ahmad Akbar Mohd Djani	03/03/25	
Verified by:	Ruzainah Masdir	07/03/25	

NO. SEBUT HARGA: **JPKNT(Q)/R/2025/07**

TAJUK: **PENYELENGGARAAN DAN MENAIKTARAF INFRASTRUKTUR RANGKAIAN KAWASAN SETEMPAT DI BANGUNAN PERPUSTAKAAN WILAYAH TAWAU**

**PELAN LANTAI SEDIA ADA TINGKAT DUA PERPUSTAKAAN NEGERI SABAH CAWANGAN TAWAU**



NO	SYMBOL	DESCRIPTION	QTY
1.		New 4U Equipment Rack Wall Mounted - 1x New TP-LINK 16-Port Managed Switch - 1x New 24 port patch panel - 1x New cable management panel - 1x New unit equipment tray - 1x New POE Injector - 1x New Belkin BSV401sa2M Power Surge Protection Strip - To be installed at Bilik Operator	1
2.		New Access Point Indoor - 1x New EnGenius EWS356-FIT Access Point	1
3.		New Network Point (#1- #12)	12
4.		New UTP CAT6 Cable (LAN) - (In Conduit above ceiling) - (#1- #11) connected to New TP-LINK 16-Port managed switch at new equipment rack located at Bilik Operator	12
5.		New UTP CAT6 Cable (AP) - (In Conduit above ceiling) - (#13) connected to New TP-LINK 16-Port managed switch at new equipment rack located at Bilik Operator	1

NO	SYMBOL	DESCRIPTION	QTY
6.		New UTP CAT6 Uplink Cable - (In Conduit above ceiling) - 1x connected to New TP-LINK 24-Port Managed Switch (SabahNet) at existing equipment rack located at Bilik Komputer Tingkat satu. 40 Meters (estimated).	1
7.		Existing Network Point to be remove - (#1 - #11)	11

Design by:	Name	Date	
	Ahmad Akbar Mohd Djaini	03/03/25	
Verified by:	Ruzainah Masdir	07/03/25	

# SURAT AKUAN PEMBIDA

NO. SEBUT HARGA : JPKNT(Q)/R/2025/07  
 TAJUK : **PENYELENGGARAAN DAN MENAIKTARAF INFRASTRUKTUR RANGKAIAN SETEMPAT DI BANGUNAN PERPUSTAKAAN NEGERI SABAH WILAYAH TAWAU**

Saya, \_\_\_\_\_ nombor K.P. \_\_\_\_\_ yang  
 (Nama Wakil Syarikat)

mewakili \_\_\_\_\_ nombor Pendaftaran \_\_\_\_\_  
 (Nama Syarikat) (MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB)

dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri** atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga\* seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri** atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga\* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebut harga\* di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi tender/sebut harga\* di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuatkuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga\* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

\_\_\_\_\_  
 (Tandatangan)

Nama : \_\_\_\_\_

No. Kad Pengenalan: \_\_\_\_\_

Cop Syarikat:



Catatan: i) \*Potong mana yang tidak berkenaan.  
 ii) Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa